



## SOALAN LAZIM (FAQ) - DIVIDEN 2022

---

### 1. Bilakah tuntutan dividen boleh dibuat di cawangan?

Anggota boleh membuat tuntutan bayaran dividen mulai 7 Julai 2023 (Jumaat). Bayaran dividen akan dikreditkan terus ke akaun simpanan di CBP dan anggota boleh membuat tuntutan mulai tarikh di atas.

### 2. Kaedah pembayaran dividen?

Dividen akan dikreditkan terus ke akaun simpanan anggota di CBP. Anggota boleh membuat pengeluaran dividen di mana-mana cawangan yang berdekatan.

### 3. Pembayaran dividen bagi anggota yang tiada akaun simpanan di CBP?

Bagi anggota yang tiada akaun simpanan di CBP, dividen akan diapungkan di dalam sistem. Anggota perlu hadir ke cawangan untuk membuka akaun simpanan dan dividen akan dipindahkan ke akaun simpanan tersebut terlebih dahulu sebelum pengeluaran boleh dibuat. Dividen yang diapungkan tidak akan dipermodalkan semula dan ianya adalah tertakluk kepada Akta Wang Tak Dituntut 1965 jika tiada sebarang tuntutan dibuat oleh anggota.

### 4. Kaedah pembayaran dividen kepada anggota koperasi?

Dividen bagi anggota koperasi yang mempunyai akaun simpanan di CBP juga akan dikreditkan ke akaun simpanan. Bagi koperasi yang tiada akaun simpanan, Jabatan Keanggotaan akan mengedarkan notis bayaran dividen bersama borang arahan bayaran (Borang A) kepada koperasi. Pembayaran akan dibuat melalui pindahan dana ke akaun semasa koperasi di bank lain oleh Jabatan Keanggotaan.

Walau bagaimanapun, sekiranya anggota koperasi telah hadir ke cawangan untuk menuntut bayaran dividen, cawangan boleh membuat bayaran kepada koperasi ***hanya melalui pindahan dana ke akaun semasa atas nama Koperasi tersebut sahaja dengan mengemukakan Borang A yang telah dilengkapkan.***

### 5. Kenapa dividen tidak dipermodalkan?

Kedudukan modal syer CBP kini sudah mencapai tahap pematuhan nisbah kehematan oleh pihak pengawal selia. Tumpuan CBP adalah untuk mendapatkan deposit dengan kos dana yang lebih rendah.

## 6. Adakah dividen yang diterima perlu dizakatkan

**Tidak perlu dan kefardhuan zakat ke atas dividen telah gugur.** Ini kerana CBP telah menunaikan zakat perniagaan bagi haul tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022. Jawatankuasa Syariah CBP telah mengesahkan bahawa dividen yang diterima oleh anggota tidak wajib dizakatkan lagi kerana Islam tidak mensyariatkan kewajiban zakat sebanyak dua kali daripada harta dan haul yang sama.

Seandainya anggota menyimpan dividen tersebut sebagai harta simpanan sehingga cukup haul berikutnya, zakat difardhukan ke atas harta simpanan anggota atas taklif dan tanggungjawab anggota sendiri bagi haul-haul zakat yang seterusnya.

## 7. Bolehkah dividen dipindahkan ke akaun anggota melalui perbankan 'online' ke bank lain.

Bayaran dividen anggota CBP akan dikreditkan terus ke akaun simpanan anggota berkenaan. Anggota boleh membuat pindahan IBG melalui applikasi **e-Semakan** di laman web CBP ataupun applikasi **MYCoopbank**.

## 8. Siapakah yang layak menerima dividen

Anggota individu dan koperasi CBP yang genap bayaran syernya dan masih tersenarai di dalam daftar nama anggota pada 31 Disember 2022 dan masih lagi menjadi anggota semasa tarikh pengisytiharan dividen iaitu pada 7 Julai 2023. Jika anggota telah berhenti sebelum dividen diisytiharkan maka beliau tidak layak menerima dividen (UUK 73).

## 9. Apakah asas kaedah pengiraan dividen CBP

Pengiraan dividen adalah pada kadar **6.3%** bagi syer biasa dan **6.88%** bagi iRCPS.

Kaedah pengiraan dividen syer biasa adalah berdasarkan **tempoh purata pegangan bulanan (*pro-rata*) baki terendah syer anggota yang genap tempoh satu bulan calendar.**

Bagi iRCPS, pengiraan kadar dividen adalah berdasarkan kadar indikatif / jangkaan kadar purata dividen 5 tahun sebelum + 70 mata asas (mungkin boleh ubah) tertakluk kepada penyelarasan dengan perolehan keuntungan sebenar yang boleh diagihkan pada tahun kewangan yang berkenaan.

i) Kaedah pengiraan jumlah dividen syer biasa:

Contoh: Anggota masukkan syer sebanyak RM1,000.

Menjadi anggota genap 1 tahun	Menjadi anggota pada 1 Jun 2022	Menjadi Anggota pada 2 Jun 2022
Dividen = $RM1,000 \times 12/12$ $\times 6.3\% = \mathbf{RM63}$	Dividen = $RM1,000 \times 7/12$ $\times 6.3\% =$ $\mathbf{RM36.75}$	Dividen = $RM1,000 \times 6/12$ $\times 6.3\% = \mathbf{RM31.50}$

ii) Kaedah pengiraan kadar dividen iRCPS:

KADAR DIVIDEN SYER BIASA (%)				
2018	2019	2020	2021	2022
7.0	5.5	6.0	6.1	6.3
<b>Kaedah Pengiraan:</b>  (Jumlah kadar dividen syer biasa 5 tahun / Bilangan tahun) + Mata Asas = Kadar Dividen iRCPS  $= (7.0 + 5.5 + 6.0 + 6.1 + 6 / 5) + 0.7 = \mathbf{6.88\%}$				

**Nota:**

- Jumlah kadar: Adalah mengambil kira jumlah kadar dividen syer biasa untuk 5 tahun ke belakang bermula dari tahun kewangan terkini.*
- Bilangan tahun: Selama 5 tahun.*
- Mata asas: 70 mata asas (mungkin boleh ubah) tertakluk kepada penyelarasan dengan perolehan keuntungan sebenar.*

10. Berapakah dividen CBP bagi 5 tahun terakhir ?

TAHUN	iRCPS	SYER BIASA
2017	-	6.0 %
2018	6.0 %	7.0 %
2019	6.2 %	5.5 %
2020	6.7 %	6.0 %
2021	6.82%	6.1%
2022	6.88%	6.3%

## 11. **Saya masih lagi anggota tetapi kenapa saya tidak layak menerima dividen?**

Sekiranya dividen anggota tidak dikreditkan ke akaun simpanan dan tiada dalam rekod dividen diapungkan. Sila semak akaun pembiayaan anggota, dividen akan dipindahkan ke akaun pembiayaan anggota yang bertunggakkan lebih 3 bulan.

Jika akaun pembiayaan telah diselesaikan atau bersatus '*write off*', sila semak laporan RBIO1551 di cawangan masing-masing pada tarikh 7 Julai 2023. Bagi akaun-akaun simpanan yang telah ditutup semasa proses pengkreditan dividen dilakukan, laporan REQSAR perlu disemak.

## 12. **Bagaimana anggota boleh menyemak jumlah dividen yang diterima**

- a) Anggota CBP boleh menghubungi Jabatan Keanggotaan atau cawangan untuk mengetahui jumlah dividen yang diterima. Semakan boleh dibuat melalui rekod transaksi akaun syer anggota.
- b) Bagi anggota individu dan koperasi, jumlah dividen boleh disemak dengan menghubungi cawangan CBP. Kakitangan kaunter operasi juga boleh membuat semakan di sistem intranet E-Dividen.
- c) Bagi anggota individu sahaja, semakan dividen boleh diakses melalui aplikasi e-semakan melalui pautan <https://dividen.cbp.com.my> yang akan dipaparkan di laman web dan FB CBP. Anggota boleh mengakses pautan tersebut melalui komputer dan telefon bimbit masing-masing. Sekiranya semakan tidak berjaya, anggota perlulah mengemaskini maklumat peribadi terutamanya nombor telefon bimbit masing-masing di cawangan yang berdekatan.

***Nota : Kaedah semakan (b) dan (c) boleh mula disemak mulai 11 Julai 2023.***